

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15/4/2012

2

NASIONAL

Ahad
15 April 2012

PM bentang pindaan ISA

BH - 15/4/2012

Transformasi diterus beri kebebasan

Oleh Wan Jailani Razak
dan Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan akan meneruskan transformasi bagi memberi lebih kebebasan kepada rakyat, dengan beliau sendiri membentangkan rang undang-undang baru bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Parlimen, esok.

Perdana Menteri mengakui ISA yang digunakan sejak sekian lama sudah banyak berjasa kepada keselamatan negara tetapi sudah sampai masanya kerajaan melihat ke hadapan.

"Negara sudah bersedia melalui era baru... bukan era reformasi tetapi era transformasi. Transformasi lebih baik daripada reformasi. Jika tak percaya tanya Ezam (Senator Ezam Mohd Nor) yang tinggalkan reformasi kerana tidak percaya dengan reformasi.

"Reformasi berakhir dengan baling kerusi, bersiri dengan BERSIH 1, 2, dan 3 tetapi transformasi membawa perubahan kepada rakyat, bantuan rakyat, kita tambah pelaburan, kita membangun dan membela rakyat Malaysia.

"Reformasi kumpul orang tepi jalan. Kosong, menyusahkan rakyat. Kita tidak mahu reformasi jalanan. Yang penting kita mesti ada rasa tanggungjawab kerana negara bu-

mi bertuah yang perlu dipertahankan," katanya ketika melancarkan Sahabat Barisan Nasional (BN) anjuran Pertubuhan Warisan dan Kebajikan Anak Malaysia (Waris Malaya) di Dataran Transformasi Waris Malaya, Jalan Kebun, di sini semalam yang dihadiri kira-kira 15,000 rakyat pelbagai lapisan masyarakat.

Perdana Menteri berkata, kehadiran ramai generasi muda, termasuk mereka yang belum layak mengundi pada majlis itu membuktikan BN disokong generasi muda yang kini semakin yakin dengan kemampuan dan keikhlasan kerajaan BN membela nasib mereka.

"Siapa kata orang muda tak sokong BN? Waris Malaya ni semua terdiri daripada orang muda. Adakah anda sanggup melakukan perubahan?" tanyanya sambil disambut hadirin dengan teriakan 'sanggup!'

Beliau berkata, negara memerlukan perubahan kerana pada Pilihan Raya Umum 2008, rakyat Selangor dijual, dibuai, ditipu dan diperdagangkan dengan segala janji manis yang disebar pembangkang.

"Kita tanya jika pada 2008, (pembangkang) janji nak potong cukai pintu, beri elaun kepada anak ke tadika, elaun kepada suri rumah, elaun ini elaun itu, kita tanya mereka, hari ini mereka sudah tepati janji atau tidak?

"Siapa tepati janji? Siapa bagi BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), Baucar Buku 1Malaysia, Klinik Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Perumahan 1Malaysia. Jawapannya BN, BN, BN dan BN adalah pilihan kita.

"Jadi, tak payahlah kita cakap... janji tak dikota dan tak ditepati, cukai tak diturunkan... dinaikkan pula. Jika tak percaya, tanya peniaga di Kompleks PKNS, sewa naik atau tidak? Bukan turun, sebaliknya naik," katanya.

Najib berkata, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan sebuah negara yang lebih baik dan makmur dengan menjaga kekayaan baru selaras kepesatan kemajuan ekonomi.



Reformasi berakhir dengan baling kerusi, bersiri dengan BERSIH 1, 2, dan 3 tetapi transformasi membawa perubahan kepada rakyat, bantuan rakyat, kita tambah pelaburan, kita membangun, membela rakyat Malaysia

Najib Razak
Perdana Menteri